

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 3 April 2017

SOALAN

Dato' Takiyuddin Bin Hassan [Kota Bharu] minta PERDANA MENTERI menyatakan :- (a) berapakah kadar pertumbuhan kependudukan Malaysia dalam tempoh 30 tahun kebelakangan ini; dan (b) adakah Dasar Kependudukan Malaysia Ke Arah 70 Juta penduduk masih diteruskan oleh Kerajaan Malaysia.

JAWAPAN

Dalam tempoh tiga dekad penduduk Malaysia telah bertambah dari segi bilangan tetapi menurun dari segi pertumbuhan penduduknya. Pada tahun 1980 penduduk Malaysia adalah berjumlah 13.7 juta. Jumlah tersebut meningkat kepada 18.4 juta pada tahun 1991, 23.3 juta pada tahun 2000 dan terus meningkat kepada 28.6 juta pada tahun 2010. Purata kadar pertumbuhan penduduk tahunan bagi tempoh 1980-1991 dan 1991-2000 adalah 2.6 peratus. Walau bagaimanapun purata kadar pertumbuhan penduduk menurun kepada 2.0 peratus bagi tempoh 2000-2010. Penduduk Malaysia pada tahun 2010 yang berjumlah 28.6 juta diunjurkan meningkat kepada 33.7 juta pada tahun 2020 dengan kadar pertumbuhan menurun kepada 1.4 peratus. Tuan Yang Di-Pertua, Pada tahun 1984, Dasar 70 Juta Penduduk telah diperkenalkan. Dasar ini menyatakan bahawa Malaysia mampu menampung sejumlah penduduk yang lebih besar bagi memperluaskan pasaran dan pengeluaran domestik dan 70 juta penduduk adalah satu angka unjuran jangka panjang yang dianggap ideal yang boleh dicapai oleh negara dalam tempoh 115 tahun iaitu pada tahun 2100. Pada tahun 1992, LPPKN telah menjalankan Kajian Pelan Strategik Bagi Perlaksanaan Dasar Kependudukan Negara yang bertujuan untuk menilai prestasi pencapaian Dasar 70 Juta Penduduk. Ringkasnya, kajian ini mendapati bahawa kadar kesuburan jumlah telah menurun dengan lebih cepat daripada apa yang dijangka dan angka 70 juta penduduk tidak mungkin tercapai. Kajian Pelan Strategik Kependudukan Kedua pada tahun 2009 mendapati kadar kesuburan jumlah telah menurun dengan cepat dan dijangkakan berada di paras penggantian pada tahun 2015. Paras penggantian adalah apabila kadar kesuburan mencecah 2.1 di mana bilangan anak yang dilahirkan hanya cukup untuk menggantikan ibu bapanya sahaja. Data terkini oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2014 menunjukkan kadar kesuburan jumlah telah pun mencecah ke paras penggantian apabila terus menurun ke paras 2.0 orang anak bagi setiap wanita. Tuan Yang Di-Pertua, Untuk makluman, Kementerian melalui LPPKN kini sedang menjalankan Kajian Semula Dasar Kependudukan Negara: Pelan Tindakan Kependudukan ke Arah Pembangunan Lestari 2030. Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti isu-isu semasa berkaitan kependudukan dan membangunkan hala tuju kependudukan yang strategik dalam usaha negara mencapai matlamat pembangunan lestari (sustainable development) menjelang tahun 2030 seiring dengan Post 2015 United Nations Development Agenda yang bertemakan Transforming Our World: The 2030 Agenda for Sustainable Development.

